

Rujukan kami: UMP.03.08/100-1/3/2 (11)

Tarikh: 15 September 2023

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBrs./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

**EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL.11 TAHUN 2023
PENURUNAN KUASA KEPADA PEGAWAI PENGAWAL UNTUK MELULUSKAN PENYEDIAAN
KEMUDAHAN SECARA PAKEJ BAGI PENGANJURAN PROGRAM RASMI JABATAN ATAU
SEMASA PEGAWAI BERTUGAS RASMI/BERKURSUS DALAM NEGARA BAGI UNIVERSITI
MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil.11 Tahun 2023 berkenaan Penurunan Kuasa Kepada Pegawai Pengawal Untuk Meluluskan Penyediaan Kemudahan Secara Pakej Bagi Penganjuran Program Rasmi Jabatan Atau Semasa Pegawai Bertugas Rasmi/Berkursus Dalam Negara Bagi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah untuk makluman dan tindakan YH./ YBhg./ YBrs./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan, selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN)

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang



اوتورسيتي مليسيا قبع السلطان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

PEKELILING BENDAHARI BIL.11 TAHUN 2023

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBrs./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

PENURUNAN KUASA KEPADA PEGAWAI PENGAWAL UNTUK MELULUSKAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN SECARA PAKEJ BAGI PENGANJURAN PROGRAM RASMI JABATAN ATAU SEMASA PEGAWAI BERTUGAS RASMI/BERKURSUS DALAM NEGARA BAGI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan berkaitan penurunan kuasa kepada Pegawai Pengawal untuk meluluskan penyediaan kemudahan secara pakej bagi penganjuran program rasmi Jabatan atau semasa pegawai bertugas rasmi atau berkursus dalam negara.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Peraturan semasa menetapkan kemudahan penginapan dan makan/minum kepada pegawai yang bertugas rasmi/berkursus di dalam negara disediakan secara tuntutan perjalanan, penggunaan Pesanan

Tempatan atau bayaran penginapan/tiket kapal terbang melalui kad kredit korporat yang disediakan kepada setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ);

- 2.2 Sebagaimana Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2011, Ketua PTJ yang berhasrat menganjurkan bengkel di luar kampus UMPSA hendaklah terlebih dahulu merujuk kepada Naib Canselor dan laporan lengkap yang mengandungi hasil dan dapatan bengkel-bengkel yang dilaksanakan di luar kawasan UMPSA hendaklah disediakan oleh Ketua PTJ dan dikemukakan kepada Naib Canselor dalam tempoh 14 hari selepas berakhirnya bengkel tersebut.

3.0 PENYEDIAAN KEMUDAHAN SECARA PAKEJ BAGI PENGANJURAN PROGRAM RASMI

- 3.1 Bagi memudahkan UMPSA menguruskan program rasmi dan menyediakan kemudahan kepada pegawai semasa menjalankan tugas rasmi/berkursus di dalam negara, Perbendaharaan bersetuju untuk menurunkan kuasa kepada Pegawai Pengawal bagi meluluskan penyediaan kemudahan secara pakej dan hanya dibenarkan dalam keadaan berikut:
 - (a) semasa PTJ menganjurkan program rasmi jabatan seperti persidangan, konvensyen, seminar, bengkel, mesyuarat atau kursus di luar pejabat; dan
 - (b) apabila pegawai bertugas rasmi/berkursus:
 - (i) jika bertugas/berkursus secara berseorangan hendaklah perlu menginap di luar ibu pejabat tidak kurang daripada lima (5) malam berturut-turut. Walau bagaimanapun, peraturan ini dikecualikan sekiranya penganjur mengenakan syarat penggunaan pesanan tempatan; atau
 - (ii) jika berkumpulan, jumlah pegawai yang perlu bermalam hendaklah sekurang-kurangnya dua (2) orang;
 - (c) penyediaan kemudahan secara pakej yang dibenarkan adalah bagi kemudahan penginapan, makan/minum atau kedua-duanya;

- (d) bagi penganjuran program rasmi jabatan, Pegawai Pengawal boleh meluluskan pegawai di dalam stesen disediakan makan/minum sahaja semasa menghadiri program berkenaan;
- 3.2 Jumlah keseluruhan kos penginapan atau/dan makan/minum hendaklah tidak melebihi jumlah kelayakan pegawai seperti yang dinyatakan dalam peraturan semasa yang berkuat kuasa;
 - 3.3 Bayaran sewaan bilik mesyuarat/dewan adalah tidak termasuk jumlah kos keseluruhan kelayakan pegawai di perenggan 3.2. Walau bagaimanapun, PTJ hendaklah memastikan penyediaan kemudahan ini adalah amat perlu dan kadar bayaran yang dikenakan adalah sesuai dan munasabah dengan tahap kemudahan yang disediakan;
 - 3.4 Bagi program rasmi jabatan yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), kadar atau pakej makan/minum, bilik mesyuarat/dewan dan peralatan adalah tertakluk kepada kadar dan syarat yang telah ditetapkan oleh PICC;
 - 3.5 PTJ hendaklah menguruskan sendiri pakej tersebut dengan pihak hotel/pusat berkenaan dan penggunaan *travel agent*, *event manager* atau pihak lain adalah tidak dibenarkan;
 - 3.6 PTJ hendaklah mempunyai peruntukan semasa yang mencukupi bagi tujuan ini;
 - 3.7 Pegawai tidak lagi layak menuntut kemudahan penginapan, makan/minum, pengangkutan tempatan dan sebagainya yang telah disediakan oleh UMPSA atau penganjur;
 - 3.8 Pegawai Pengawal boleh mewakili kuasa secara bertulis kepada Pegawai lain atau Bendahari atau Dekan/Ketua Jabatan yang bertanggungjawab ke atas pengeluaran Pesanan Tempatan untuk menimbang dan meluluskan kemudahan ini;
 - 3.9 Pegawai Pengawal atau mana-mana Pegawai yang diberikan kuasa secara bertulis hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan perbelanjaan yang dibuat adalah secara berhemat, selaras dengan dasar Kerajaan dan peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa;
 - 3.10 Tindakan tatatertib dan surcaj boleh diambil ke atas pegawai sekiranya tidak mengikut peraturan atau menyalahgunakan kemudahan ini;

- 3.11 Perbendaharaan boleh membatalkan penurunan kuasa ini jika didapati tidak mematuhi peraturan dan syarat yang ditetapkan; dan
- 3.12 UMPSA menerima pakai mana-mana perubahan terkini yang dikemaskini dalam Pekeliling Pendaharaan dari semasa ke semasa.

4.0 TARIKH KUAT KUASA


Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa serta-merta dan Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2011 masih berkuat kuasa dan dibaca bersama Pekeliling ini.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN

Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
Jumaat, 15 September 2023

- Salinan kepada :
- 1) Naib Canselor
 - 2) Timbalan - Timbalan Naib Canselor
 - 3) Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
 - 4) Ketua Pustakawan
 - 5) Penasihat Undang-Undang